



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 8/2018 dari 18 hingga 24 Februari 2018)

Pada minggu ke-8 tahun 2018, tiga (3) kematian akibat Denggi telah dilaporkan dari Perak, Sarawak dan Pahang. Ketiga-tiga kes tersebut berumur melebihi 60 tahun dan mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi. Untuk tempoh tersebut juga, terdapat peningkatan kes Demam Denggi, iaitu sejumlah 1,224 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 52 kes (4.4%) berbanding 1,172 kes pada minggu ke-7 tahun 2018.

Hasil pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu ke-8 tahun 2018 mendapati jumlah kumulatif kes Denggi yang direkodkan sehingga 24 Februari 2018 ialah sebanyak 9,072 kes berbanding 14,513 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 5,441 kes (37.5%). Untuk kematian Denggi pula, sebanyak 20 kematian dicatatkan untuk tempoh yang sama, berbanding 40 kematian dilaporkan pada tahun 2017, penurunan sebanyak 20 kes (50%).

Sehingga 24 Februari 2018, sejumlah 383 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif di 11 negeri. Pada minggu yang sama juga, terdapat

36 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 30 lokaliti di Selangor, tiga (3) di Perak, dua (2) lokaliti di Sabah, dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Farah Amirah et al 2016 untuk melihat profil nyamuk *Aedes* di bangunan bertingkat di negeri Selangor, didapati indeks ovitrap yang agak tinggi di pangsapuri (16.7%) berbanding apartmen (6.1%). Antara penemuan penting hasil kajian tersebut adalah keadaan sanitasi dan kebersihan pangsapuri yang tidak memuaskan kerana terdapat banyak bekas-bekas domestik seperti baldi, pasu dan mangkuk plastik selain sampah yang dibuang di atas bumbung bangunan oleh penduduk setempat yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu, kajian tersebut juga mendapati air bertakung di koridor dan parit selepas hujan yang turut menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Sehubungan itu, kerjasama antara orang ramai dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu ditingkatkan dalam memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk *Aedes* bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan Demam Denggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima satu (1) kes Chikungunya iaitu dari daerah Sik, Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga 24 Februari 2018 adalah sebanyak 37 kes iaitu 31 kes dari Kelantan, dua (2) kes di Kedah dan masing-masing satu (1) di Perlis, Selangor, Sarawak dan Sabah. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sehingga 24 Februari 2018, mendapati keputusan ujian bagi 278 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

KKM menyeru supaya masyarakat meneruskan pelaksanaan aktiviti pembersihan dan menghapuskan tempat-tempat potensi untuk pembiakan nyamuk *Aedes* di premis masing-masing setiap minggu. Komitmen daripada individu, masyarakat dan agensi lain dalam aktiviti pencegahan Denggi diperlukan untuk membendung peningkatan kes Denggi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

↪ **Mac 2018**

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 8/2018
(18 hingga 24 Februari 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 8/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 8/2017	
		Minggu 8/2018 (18 – 24 Feb 2018)		Minggu 7/2018 (11 – 17 Feb 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	5	0	41	0	37	0
2	Kedah	14	0	23	0	169	1	217	1
3	P. Pinang	87	0	70	0	605	0	324	4
4	Perak	94	1	64	0	521	2	1,223	5
5	Selangor	705	0	648	2	4,795	7	7,687	8
6	WP KL & Putrajaya	67	0	66	0	621	2	1,177	9
7	N. Sembilan	15	0	26	0	163	0	556	5
8	Melaka	9	0	7	0	95	0	349	0
9	Johor	112	0	120	0	1,008	3	1,039	4
10	Pahang	12	1	16	0	143	1	412	0
11	Terengganu	2	0	3	0	26	0	57	0
12	Kelantan	13	0	23	0	174	0	766	1
13	Sarawak	6	1	7	0	80	1	308	1
14	Sabah	84	0	90	0	626	3	361	2
15	WP Labuan	0	0	4	0	5	0	0	0
	MALAYSIA	1,224	3	1,172	2	9,072	20	14,513	40

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 8/2018
(18 hingga 24 Februari 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SABAH	Kota Kinabalu	Putera Jaya Telipok	47	12/21/2017
2	SELANGOR	Klang	B.B.R Pangsapuri Rebana	17	12/27/2017
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	13	12/28/2017
4	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Putri Up	19	1/1/2018
5	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Sari Zon 2	16	1/1/2018
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	8	1/4/2018
7	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 (Teres B : Jln Pjs 10/2, 10/4, 10/7a - B,10/14, 10/16)	13	1/7/2018
8	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Apt Sri Manja (Blok D - F : Jln Pjs 3/55)	7	1/10/2018
9	SELANGOR	Klang	T.S.A (Jln Seri Banang 11)	12	1/10/2018
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5)	13	1/10/2018
11	P PINANG	Barat Daya	Desa Bayan	29	1/11/2018
12	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	13	1/12/2018
13	SELANGOR	Klang	Meru(Jln Nenas)	14	1/13/2018
14	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	17	1/14/2018

15	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang (E)	6	1/13/2018
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	31	1/15/2018
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12)	12	1/15/2018
18	SELANGOR	Klang	Aparment Bayu Villa	6	1/16/2018
19	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 7 (Zon A)	6	1/16/2018
20	SELANGOR	Petaling	Putra Height 9 (Jln Putra Indah - Sri Mutiara Appt)	23	1/16/2018
21	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	6	1/16/2018
22	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon D)	12	1/16/2018
23	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Kantansari Bsb	7	1/16/2018
24	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Abdul Hamid 1-5)	13	1/17/2018
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kawasan Perindustrian E : Jln 26/17 - 26/21)	4	1/17/2018
26	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	7	1/17/2018
27	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Gmi Bangi	16	1/17/2018
28	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Sembulan Baru	5	1/18/2018
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres H : Jln 18/40 - 18/42)	7	1/18/2018
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 3 (Rmh Kedai)	12	1/19/2018
31	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Baiduri	8	1/21/2018
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	9	1/23/2018
33	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	13	1/23/2018

34	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 8	14	1/23/2018
35	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H - K)	11	1/25/2018
36	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon C)	4	1/25/2018

